

## Karakter 7B Mukmin Cemerlang

*Kamarul Azmi Jasmi*

*Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor, Johor  
qamar@utm.my*

### ABSTRAK

Islam amat menekankan pembentukan karakter bagi setiap individu agar mereka mampu menjadi khalifah yang membawa kesejahteraan umat manusia. Paksi utama yang membentuk individu Muslim untuk menjadi khalifah yang dinamik dan soleh adalah terletak kepada karakter kerohanian yang berteraskan al-Quran dan hadis. Tulisan ini merupakan hasil kajian yang menggunakan metode analisis kandungan terhadap kitab Riyad al-Salihin karangan Imam al-Nawawi. Pengkaji mengkategorikan cabang utama karakter Muslim yang dibahas oleh beliau berdasarkan tajuk perbincangan serta berdasarkan penggunaan ayat al-Quran dan hadis yang digunakan oleh beliau. Pengkategorian ini cuba mengekalkan penamaan karakter yang digunakan oleh beliau agar tidak terkeluar daripada paradigmanya. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat tujuh karakter Mukmin Cemerlang yang membentuk akronim Karakter 7B, iaitu Karakter Berihsan (KB1), Karakter Berakhlak (KB2), Karakter Bersosial (KB3), Karakter Beribadah (KB4), Karakter Beradab (KB5), Karakter Berjihad dan Berilmu (KB6), dan Karakter Berbatasan (KB7). Setiap satu karakter 7B menghasilkan model penting dalam pembinaan karakter ini. Implikasi daripada dapatan juga menghasilkan Model Karakter 7B yang boleh dijadikan teras pembentukan kurikulum pendidikan Islam yang mengarah ke arah pembentuk masyarakat Islam yang lebih dinamik dan soleh.

Kata Kunci: *Karakter, Model 7B, mukmin cemerlang*

### ABSTRACT

Islam strongly emphasizes character building of each individual Muslim to enable them to become caliph who bring blessings to mankind. The main axis of the individual Muslim to become a dynamic and pious caliph is located on the development of spirituality based on the Quran and Hadith. This paper is the result of a study using content analysis method to Riyad al-Salihin, that is wrote by Imam al-Nawawi. The content of the book was categorized the main branch of the Muslim character of the discussion and debate based on the use of verses from the Quran and Hadith by him. The findings indicate that there are seven characters Excellence amongst Mu'min that form the acronym Character '7B', the character 'Berihsan' (Divine engagement) (CB1), Character 'Berakhlak' (CB2), Character 'Bersosial' (CB3), Character 'Beribadah' (CB4), Character 'Beradab' (CB5), Character 'Berjihad and Berilmu' (CB6), and the character 'Berbatasan' (CB7). Each character 7B generate important model in the construction of this character. The implications of the findings are also yielding Characters Model 7B that can be used as the core curriculum of Islamic education which leads towards forming an Islamic society that is more dynamic and righteousness.

Keywords: *Character, 7B Model, excellence Mu'min*

### PENGENALAN

Karakter 7B mukmin merupakan model karakter yang dibangunkan melalui kajian analisis teks terhadap kitab Riyad al-Salihin. Pemilihan terma 7B merupakan akronim kepada lapan perkataan yang bermula dengan huruf 'b', iaitu Karakter Berihsan (KB1), Karakter Berakhlak (KB2),

Karakter Bersosial (KB3), Karakter Beribadah (KB4), Karakter Beradab (KB5), Karakter Berjihad (KB6), dan Karakter Berbatasan (KB7). Pemilihan semua karakter ini sebagai Karakter 7B mukmin adalah mengambil sempena kepada seseorang yang berjaya menyempurnakan amalan Islam dalam hidup setelah menyerahkan diri sebagai Muslim melalui kebenaran hati dan pengakuan lidah sehingga layak digelar sebagai seorang Mukmin sepertimana firman Allah SWT (Surah al-Hujerat, 49:14).

Ahli tafsir (Al-Qurtubi, 1964: 2/134; Al-Tabari, 1965: 22/313; Ibn Kathir, 1999: 7/389) sepakat dalam menafsirkan ayat surah al-Hujerat (49:14) ini bahawa sifat Mukmin itu lebih khusus sifatnya daripada Muslim dengan mengamalkan Islam dalam bentuk perkataan dan perbuatan. Sedangkan Muslim pula merujuk kepada seseorang yang menyerahkan diri kepada Islam dalam bentuk pengakuan dan perkataan dan belum sampai kepada tahap mengamalkan dengan sempurna ajaran Islam. Oleh itu, konsep Mukmin dengan lapan karakter utama dengan panggilan Karakter 7B dipilih untuk dijadikan model penting daripada hasil kajian yang dilakukan terhadap kitab *Riyad al-Salihin* karangan Imam Al-Nawawi (1998).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN**

Penyerahan diri seseorang kepada Islam terdiri dalam tiga bentuk penting, iaitu pengakuan dengan lidah, membenarkan dalam hati serta penyempurnaan dengan tindakan dan kelakuan (Jasmi, K. A. & Tamuri, A. H., 2011). Dalam membicarakan tentang kesempurnaan amalan Islam, ramai sarjana Islam menulis dengan perspektif yang pelbagai berdasarkan latar belakang mereka. Antara tokoh yang terkenal yang menulis tentang pengamalan Islam yang sempurna ialah Imam al-Nawawi dengan kitab beliau *Riyad al-Salihin*. Imam Al-Nawawi (1998) dikenali sebagai antara tokoh ulama Mazhab al-Shafi'i yang juga dikenali sebagai ulama yang sangat mahir dalam ilmu hadis (Jasmi, 2002). Sedangkan buku beliau *Riyad al-Salihin* dianggap buku yang sangat berpengaruh bukan sahaja dalam mazhab al-Shafi'i (Jasmi et al., 2003) bahkan berpengaruh dalam dunia Islam sehingga buku ini diterjemahkan dalam berpuluh-puluh bahasa dunia (Jasmi, 2018). Justeru, pengkajian dalam kajian kandungan kitab ini akan cuba menjawab persoalan kajian ini, iaitu:

1. Apakah ciri karakter yang dibincangkan oleh Imam al-Nawawi dalam kitab beliau *Riyad al-Salihin*?
2. Apakah model kurikulum yang boleh dibentuk daripada kajian kitab *Riyad al-Salihin* karangan Imam al-Nawawi?


Perbincangan kepada persoalan kajian ini tidak lengkap tanpa membincangkan juga latar belakang Imam al-Nawawi dan kitab *Riyad al-Salihin*. Oleh itu, perbincangan persoalan kajian ini juga akan membincangkan secara lengkap dan padat biodata Imam al-Nawawi dan Kitab *Riyad* pada awal perbincangan.

## **KAJIAN KEPUSTAKAAN: SEJARAH IMAM AL-NAWAWI DAN KITAB RIYAD AL-SALIHIN**

Imam al-Nawawi (631H-676H) merupakan antara tokoh besar dalam dunia Islam. Nama sebenar beliau ialah Abu Zakariyya Yahya ibn al-Sheikh al-Zahid al-Waliullah Abi Yahya Sharaf ibn Muri ibn Hasan Ibn Husin ibn Muhamad ibn Jumaat ibn Hazam al-Hazami. Gelaran al-Nawawi diambil daripada perkataan 'Nawa', iaitu sebuah desa di Bandar Hawran yang terletak berhampiran dengan wilayah Damsyiq, sekarang ini dikenali sebagai Palestin (Al-Nawawi, 1994; Ibn 'Atar, 2007; Ibn al-Subki, 1992; Khalaf, 1989).

Al-Imam al-Nawawi merupakan tokoh hadis, akhlak, dan fikah. Beliau menyusun kitab yang berkaitan dengan al-Quran, hadis, fikah, akidah, dan lain-lain. Kebanyakan kitab beliau tersebar ke seluruh pelosok dunia. Terdapat 26 buah kitab karangan beliau yang masih diguna dan dicetak sehingga sekarang ini antaranya ialah Adab al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti, Al-Azkar, Al-Daqa'iq, Al-Idah Fi al-Manasik, dan Al-Ijaz Fi Sharh Sunan Abi Dawud al-Sajastani Rahimahullah Ta'ala (Jasmi, 2002). Terdapat Kitab karangan beliau yang hanya disebut oleh para ulama yang menterjemah nama beliau (Al-Daqr, 1994; Ibn 'Atar, 2007), namun kitab ini sudah tidak ada dalam penerbitan pada mana-mana penerbit (Jasmi, 2002) seperti al-Umdah fi Sohih al-Tanbih, Kitab al-Qiyam, Manar al-Huda, al-Muhadzdzab Ila al-Mu'arrar, al-Manasik al-Thalith wa al-Rabi' wa al-Khamis wa al-Sadis, al-Maqasid fi al-'Aqidah wa al-Tawhid, dan al-Minhaj fi al-Fiqh.

Rajah 1: Pembentukan Karakter 7B Mukmin



Keterangan: K1-K7 bermaksud Karakter 1-Karakter 7

Salah satu daripada karangan beliau yang dianggap terbaik dan diterima dalam dunia Islam sehingga diterjemahkan dalam banyak bahasa, iaitu Kitab Riyad al-Salihin (Al-Khin et al., 1992; Faysal Al-Mubarak, 2002; Hamus, 1983). Kitab ini selesai disusun oleh beliau pada hari Isnin tanggal 4 Ramadan tahun 670H, (Al-Nawawi, 1969). Kitab ini berorientasikan hadis nabi SAW, petikan ayat al-Quran, dan sedikit daripada pandangan ulama serta ulasan daripada beliau sendiri dalam tempat tertentu dan pada ayat al-Quran dan hadis tertentu (Jasmi, 2002). Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa karangan beliau ini terbukti mempunyai pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Negeri Johor (Jasmi et al., 2003).

Secara umumnya Kitab Riyad al-Salihin dibahagikan kepada 20 buah kitab yang terkandung dalamnya 374 bab yang terkandung 440 potongan ayat al-Quran dan 1896 potongan hadis. Kebiasaannya Imam Al-Nawawi (1998) akan memetik potongan ayat al-Quran pada permulaan setiap bab yang dibincangkan. Pengkaji melakukan kajian secara mendalam terhadap kesemua bab, ayat, dan hadis dan mengelompokkan bab-bab beliau dengan lapan kelompok utama Karakter Muslim [Rajah 1] (Jasmi, 2002).


### KB1: Berihسان

KB1 ialah karakter pertama merujuk kepada akronim bagi 'Karakter Berihسان bagi 'B' yang pertama', iaitu seseorang mukmin yang memiliki sifat ihسان. Kalimah 'ihسان' (إحسان) ini mengambil sempena kepada hadis yang dikeluarkan oleh dua Imam (Al-Bukhari, 2001: 50;

Muslim, t.th.: 8) bagi merujuk kepada sifat berakhlak tertinggi seorang hamba kepada Allah SWT dengan Muslim itu merasakan bahawa dia melihat Allah SWT atau sekurang-kurangnya dengan merasakan Allah SWT melihatnya ketika sedang beribadat khususnya solat. Oleh itu, kalimah berihisan ini dipilih untuk mewakili nama sifat berakhlak Muslim kepada Allah SWT yang disenaraikan Imam Al-Nawawi (1998) yang menjadi perbincangan utama dalam bahagian terawal dalam kitab *Riyad al-Salihin*.

Setelah diteliti dengan mendalam dengan melihat kepada penamaan tajuk bab, ayat al-Quran dan hadis yang dikelompokkan oleh Imam Al-Nawawi (1998), didapati terdapat tiga komponen utama KB1 ini, iaitu Karakter Pemikiran yang ditandakan sebagai [KB1-1], Karakter Sifat Hati [KB1-2], dan Karakter Keperibadian Diri [KB1-3] (Jasmi, 2002). Penelitian ini menghasilkan Model KB1 sebagaimana dalam Rajah 2.


Rajah 2: Model KB1: Berihisan



Berdasarkan Model KB1 (Rajah 2), karakter Akhlak Muslim bermula daripada pemikiran [KB1-1]. Pemikiran sangat memberi kesan kepada hati, oleh itu pemikiran perlu dijaga dan mempunyai ciri yang khusus, iaitu banyak bertafakur tentang Allah SWT dan banyak mengingati mati. Kedua-dua sifat ini memberi kesan yang mendalam kepada sepuluh sifat hati untuk membantu Muslim membentuk sifat hati mereka kepada-Nya seperti mana yang disenaraikan dalam [KB1-2]. Kesan daripada sifat hati [KB1-2] ini pula memberi implikasi yang besar kepada karakter Muslim dalam bentuk keperibadian [KB1-3] mereka kepada Allah SWT. Hal ini terbukti melalui kajian lain yang menunjukkan bahawa keimanan dan ketakwaan seseorang mampu membentuk akhlak luaran seorang Muslim sama ada kepada Allah SWT, diri sendiri, dan sesama insan (Abdul Rahman, 2002; Ismail & Jasmi, 2016; Jasmi, A. K. & Tamuri, H. A., 2011; Zien, 2013). Hakikatnya, melalui penelitian petikan al-Quran dan hadis bagi ketiga-tiga kategori yang terdapat dalam KB1 saling mendukung antara satu sama lain sehingga seseorang mampu menjadi Mukmin yang soleh dari aspek kerohanian (Jasmi, 2002; Jasmi & Md Salleh, 2007).

## KB2: Berakhlak

KB2 ialah akronim bagi kalimah 'Karakter Berakhlak bagi 'B' yang kedua'. Karakter berakhlak dibincangkan oleh Imam Al-Nawawi (1998) yang kedua ini merupakan nama bagi kumpulan akhlak Muslim ketika berada sesama insan.



Berakhlak bermaksud mempunyai akhlak (Kamus Dewan, 2005). Akhlak dalam bahasa Arab disebut sebagai 'khuluq' (خُلُقٌ) yang bererti perangai, tabiat dan budi pekerti (Al-Bustani, 1956: 177). Selain itu akhlak juga bererti kebiasaan, maruah, dan agama (Mohammad Al-'Abd, 1985: 7). Akhlak dari segi istilah pula bermaksud perilaku yang meresap ke dalam jiwa seseorang. Perilaku inilah yang menerbitkan perbuatan dengan perasaan senang dan mudah tanpa perlu kepada pemikiran dan pertimbangan. Jika yang terbit dari perilaku itu perbuatan yang elok dan terpuji menurut ukuran akal mahupun syarak, itulah yang dinamakan akhlak yang baik. Tetapi jika sebaliknya, perilaku itu dinamakan akhlak yang keji (Abdul Latif, 1985: 7; Al-Ghazali, 1989: 438; Hasan, 1994: 10). Oleh itu, berakhlak boleh disimpulkan sebagai seseorang yang memiliki akhlak yang baik yang meresap masuk dalam diri seorang Muslim sehingga tidak sukar lagi untuk menunjukkan sifat tersebut. KB2 seperti yang dibincangkan oleh Imam Al-Nawawi (1998) melalui al-Quran dan hadis tergambar dalam Rajah 3.

Karakter KB2 ini menurut paradigma beliau pada hakikatnya terjelma daripada kekuatan KB1 khususnya daripada KB1-2. KB1-2 bukan sahaja memberi kesan kepada KB1-1 bahkan memberi kesan juga kepada KB2 bagi kesemua akhlak hati (KB2-1), akhlak peribadi [KB2-2], dan sifat yang berkongsi antara kedua-duanya [KB2-3]. Hal ini terbukti daripada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah (Abu Dawud, 2009: 4682; Ahmad, 2001: 7402; Al-Darimi, 2013: 2834; Al-Tirmidhi, 1998: 1162). Hadis Abu Hurayrah yang lain (Ahmad, 2001: 9696; Al-Tirmidhi, 1998: 2004) pula mendukung kedudukan seorang Muslim pada hari kiamat yang turut menyokong keutamaan antara KB1-2 seperti takwa terhadap pembentuk sifat peribadi seperti sopan santun yang terangkum dalam KB2-2. Kedua-dua hadis ini digunakan oleh Imam (Al-Nawawi, 1983: 324) bagi melihat hubungan yang rapat antara KB1-2 dengan pembentukan keperibadian sama ada sifat keperibadian yang terdapat dalam KB1-3 atau akhlak keperibadian yang terdapat dalam KB2-1, KB2-2, dan KB2-3. Kedua-dua hadis ini juga turut menjelaskan bahawa kedudukan dan kepentingan akhlak kepada sesama manusia sehingga Rasulullah SAW sendiri mengakui bahawa manusia yang terbaik di sisi Allah SAW dan yang


paling sempurna keimanannya apabila akhlaknya sangat terpuji. Imam Ibn Hajar (1960: 10/458) menjelaskan bahawa hadis kedua Abu Hurayrah ini sebenarnya merupakan penjelasan lanjut kepada hadis yang pertama bahawa keimanan yang sempurna ini dapat dilihat kepada akhlak luarannya yang ketika sesama manusia dan golongan inilah yang paling banyak masuk ke syurga. Justeru, kepentingan akhlak insan sesama insan adalah sangat penting dalam kehidupan insan di dunia lebih-lebih lagi dalam kehidupan manusia di akhirat.

Berdasarkan Model KB2 dalam rangka Berakhlak kepada Sesama Insan, Imam Al-Nawawi (1998) secara tidak langsung mengkategorikan KB2 ini kepada tiga kategori akhlak pula, iaitu akhlak hati yang ditandakan sebagai [KB2-1], akhlak peribadi luaran [KB2-2], dan akhlak yang berkongsi antara kedua-dua hati dan luaran [KB2-3]. KB2-1 ini menyentuh tentang akhlak hati yang terpuji ketika seseorang Muslim berada dalam kalangan manusia. Manakala KB2-2 merupakan akhlak peribadi luaran yang ditunjukkannya ketika berada dalam kalangan manusia. Pembahagian yang jelas antara ketiga-tiga kategori KB2 ini boleh dilihat pada sifat yang dinamakan oleh Imam Al-Nawawi (1998) itu sendiri. Sebagai contoh sifat jujur dan benar serta cinta seseorang Muslim kepada orang lain sememangnya dari hatinya. Sedangkan sifat akhlak seperti sifat pemaaf pula datang dari hati seseorang yang suka memaafkan dan dia akan cuba memaafkan orang lain dalam bentuk peribadinya serta mengelakkan diri dari suka mencari gaduh. Sedangkan sifat sopan dan santun adalah sifat yang memang terjelma kepada peribadi seseorang yang soleh (Jasmi, 2002).

Seperkara lagi bahawa terdapat sifat sabar dalam komponen KB1-2 dan KB2-1. Hal ini kerana sabar dalam KB1-2 merujuk kepada sifat sabar seorang hamba terhadap ujian yang ditimpakan oleh Allah SWT kepadanya sebagai ujian kehidupan. Sedangkan sifat sabar dalam KB2-1 merujuk kepada kesabaran hati seorang Muslim terhadap tingkah laku manusia lain yang menyakitkan dirinya. Walau bagaimanapun, ganjaran daripada kedua-dua kesabaran di akhirat adalah sama (al-Nawawi, 1998)

### **KB3: Bersosial**

KB3 ialah akronim kepada 'Karakter Bersosial bagi B yang ketiga'. Bersosial bermaksud bergaul atau bercampur dengan masyarakat (Kamus Dewan, 2005; Kamus Pelajar, 2008). Bersosial dalam konteks perbincangan al-Quran dan hadis menurut Imam Al-Nawawi (1998) ialah bersosial dengan penuh rasa tanggungjawab. Oleh itu, bersosial dengan penuh tanggungjawab dalam kategori KB3 ini bermaksud bergaul dalam kalangan anggota keluarga, anggota masyarakat, dan antara pemerintah dengan rakyat dengan mengutamakan pelaksanaan kewajipan yang ditaklifkan kepada mereka oleh Allah SWT ketika bergaul.



Rajah 4: Model KB3: Bersosial

Aspek KB3 ini begitu penting kerana aspek ini merupakan aspek pergaulan sosial dalam masyarakat Islam keseluruhannya. Sudah menjadi tanggungjawab setiap insan untuk membawa akhlak Islam ke dalam kehidupan sosial dalam keluarga dan dalam masyarakat. Sebagai langkah awal untuk membangunkan masyarakat pula tidak boleh tidak sikap kebertanggungjawaban terhadap kehidupan sosial keluarga perlu dibangunkan terlebih dahulu dengan sempurna (Abdulaziz et al., 2008; Ahmad Sabri & Mohammad Noor, 2008; Asnantia, 2010; Jaapar & Azahari, 2011; Jasmi & Md. Saleh @ Masrom, 2019; Jasmi & Salleh, 2007; M. Abdulaziz et al., 2008; Manuty, 2009; Mohamad & Othman, 2009; Muhammad & Jasmi, 2009; Suratman et al., 2004; Tamuri & Jasmi, 2009). Setelah itu, barulah kehidupan sosial masyarakat dan akhirnya hubungan sosial antara pemerintah dan rakyat dapat dibangunkan pula dengan sempurna (Jusoh & Jasmi, 2006; Mohd Kashim et al., 2012). Gambaran KB3 seperti yang dibincangkan oleh Imam al-Nawawi ini juga telah dibahagian secara tidak langsung kepada tiga kategori, iaitu akhlak sosial keluarga [KB3-1], akhlak sosial masyarakat [KB3-2], dan akhlak sosial pemerintah dan rakyat [KB3-3]. Pengkategorian KB3 oleh Imam Al-Nawawi (1998) dengan segala ciri sosial ditunjukkan dalam Rajah 4.


Berdasarkan Model KB3 mengikut paradigma Imam Al-Nawawi (1998) yang ditunjukkan dalam Rajah 4 ditunjukkan dalam bentuk bertindan kerana KB3-3 tidak mampu disempurnakan oleh seorang Muslim tanpa penyempurnaan KB3-2. Sedangkan penyempurnaan antara KB-2 pula tidak boleh disempurnakan tanpa penyempurnaan KB3-1 (Jasmi, 2002).

#### KB4: Beribadah

Aspek keempat (KB4) dalam karakter insan menurut paradigma Imam al-Nawawi ialah karakter ibadat. 'Ibadat berasal daripada kalimah bahasa Arab, iaitu (عَبَدٌ - يَعْبُدُ - عِبَادَةٌ - وَعِبَادَةٌ - وَعِبَادَةٌ) yang bererti mengesakan, berbakti, tunduk, merendah diri dan mentaati (al-Bustani, 1956: 457). Ibadat juga diertikan sebagai ketaatan yang berserta dengan merendah diri (Ibnu Manzur, 1990: 272/3). Makna ibadat dari segi istilah pula, ialah sehabis-habis tunduk dan kemuncak perasaan terhadap keagungan yang disembah (kepada Allah SWT), iaitu sebagai jalan perhubungan di antara makhluk dan pencipta (Fatha Yakan, 1983: 27). Ibadat juga bermaksud nama himpunan bacaan, perbuatan yang batin dan yang zahir yang menyukakan Allah SAW dan membawa kepada keredhaanNya (Al-Zuhaili, 1989: 81/1).

Islam menganggap kehidupan sebagai seorang Islam itu sendiri semuanya adalah ibadat dan ketaatan (Fatha Yakan, 1983: 27). Dengan ini, semua perkara seperti solat, zakat, puasa, haji, bercakap benar, menunaikan amanah, mentaati ibu bapa, menghubungkan silatul rahim, menunaikan janji, melaksanakan amal makruf dan mencegah yang mungkar, jihad terhadap orang kafir dan munafik, berbuat baik kepada jiran, kepada anak yatim, kepada orang miskin, kepada ibnu sabil dan binatang, berdoa, berzikir, membaca Al-Quran serta yang seumpamanya adalah dikira ibadat (Al-Zuhaili, 1989: 82/1). Namun begitu apa yang dimaksudkan oleh Imam al-Nawawi dalam kitabnya tentang karakter insan dalam ibadat yang membentuk seseorang insan kepada insan yang soleh, ialah ibadat khususiah. Ibadat ini bermaksud ibadat yang khusus dilakukan untuk tujuan beribadat kepada Allah SWT.

Rajah 5: Karakter B5: Beribadah



#### KB5: Beradab


Aspek karakter kelima (KB5), iaitu Karakter Beradab menurut paradigma Imam (Al-Nawawi, 1998) ialah karakter adib dengan kehidupan Islam. Adib bermaksud orang yang bersifat dengan beradab dan bersopan santun (Kamus Dewan, 2005). Perkataan adib daripada perkataan adab. Sedangkan perkataan adab pula adalah dari bahasa Arab, iaitu 'aduba' (أَدَّبَ) yang bererti bersopan dan bersantun (Al-Bustani, 1956: 5). Adab asalnya bermakna mengajak kepada pembentukan adab di kalangan manusia. Dinamakan dengan adab kerana adab itu mengajak manusia kepada perkara yang dipuji dan mencegah mereka daripada perkara yang dikeji (Ibn Manzur, 1997: 1/206).



Dari segi istilahnya pula ialah mengamalkan sesuatu yang dipuji sama ada dalam bentuk ucapan dan perbuatan. Imam Al-Nawawi (1983: 342) dalam membincangkan KB5 ini dengan membuat dua bentuk pengkategorian, iaitu kategori sifat beradab dan kategori tatacara kehidupan berada dalam penamaan kitab dan tajuk bab.

Sifat beradab menurut Al-Nawawi (1998) ialah senarai sifat Muslim beradab yang sepatutnya ada dalam diri setiap Muslim yang berperadaban Islam. Manakala tatacara kehidupan beradab pula bermaksud cara dan peraturan serta prosedur (Kamus Dewan, 2005). Oleh itu, tatacara kehidupan beradab bermaksud tatacara adab kehidupan seharian yang wajar dipraktikkan bagi mengekalkan seseorang itu dalam hidayah, pertunjuk, dan keberkatan (Jasmi, 2002). Gambaran kedua-dua kategori ini seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.

Rajah 6: Model KB5: Adab dengan kehidupan Islam



### KB6: Berjihad

Perkara keenam karakter insan yang dibincangkan oleh Imam al-Nawawi ialah Karakter Berjihad (KB6), iaitu akronim kepada Karakter Berjihad yang Keenam. Beliau memperlihatkan bidang karakter ini sekitar usaha insan dalam mempertahankan dan mengembangkan agama Islam yang suci sama ada dalam konteks jihad pergi berperang dan konteks jihad ilmu, iaitu dalam konteks mendalami ilmu kerana kedua-duanya bertujuan untuk membangunkan agama dalam diri, masyarakat, dan negara. Gabungan kedua-dua konsep ini sesuai dengan perintah Allah SWT yang menyuruh umat Islam berjihad di jalan Allah SWT dan dalam masa yang sama terdapat segolongan manusia pula mempelajari agama dengan mendalam. Golongan yang mempelajari agama ini akhirnya mampu memberikan ilmu kepada orang yang berjihad dan kepada semua ahli masyarakat. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Dan tidaklah (betul dan elok) orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang). Oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap puak antara mereka, supaya orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).*


(Surah al-Tawbah, 9:122)

Aspek karakter jihad dan mendalami ilmu merupakan dua aspek perbincangan yang dibicarakan oleh Imam al-Nawawi secara mendalam kerana kepentingan yang terdapat dalamnya terhadap perkembangan agama Islam secara keseluruhan keseluruhan. Perkataan jihad sama dengan mujahadah kerana kedua-duanya berasal daripada perkataan (جِهَادًا - مُجَاهَدَةً) (جَاهِدٌ) yang dari segi bahasa membawa maksud berperang di jalan Allah SAW (Al-Marbawi, 1354H, 112/1). Manakala aspek kedua, iaitu karakter jihad ilmu, iaitu karakter seseorang yang mendalami ilmu. Ilmu bahasa bermakna, "Terhasil hakikat ilmu" (Al-Bustani, 1956: 495). Manakala dari segi istilah, Syed Naquib al-Attas menjelaskan sebagai, "Proses bersalingan yang asal sumbernya daripada Allah SAW yang didefinisikan sebagai kedatangan makna sesuatu benda atau objek ilmu ke dalam jiwa yang merupakan subjek. Dalam masa yang sama, subjek atau pencari ilmu itu menjadi agen yang aktif datang kepada makna atau benda atau objek pengetahuan tersebut (Wan Daud, 1998: 104). Kesimpulannya, ilmu merupakan penyatuan antara makna dengan diri pencari ilmu yang saling bersalingan dan menghasilkan penghayatan di dalam diri pencari itu.

Penggunaan mujahadah dan jihad diumumkan kepada makna mengembang dan menegakkan agama Allah SAW dalam bentuk peperangan atau atau tidak dalam bentuk peperangan. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Manzur (1990: 135/3) bahawa erti jihad ialah melampaui dan memberi laluan yang luas pada maksud peperangan mahupun jihad dalam bentuk lisan, tenaga atau kekuatan. Oleh kerana itu, seseorang yang berusaha menimba pengetahuan khususnya pengetahuan agama yang mendalam juga tergolong sebagai sebahagian daripada jihad. Justeru, kedua-dua golongan seperti yang disebutkan dalam surah al-Tawbah (9:122) merupakan mereka yang pergi berjihad di jalan Allah SWT. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadis (Al-Tirmidhi, 1998: 2647) yang bermaksud: Anas bin Malik menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang keluar untuk menuntut Ilmu, maka dia dalam fi sabilillah sehinggalah dia kembali.

Oleh kerana itu, seseorang yang berilmu, maka dia memenuhi sebahagian daripada tuntutan berjihad di jalan Allah SWT, maka orang yang berilmu lebih khusus dan orang yang berjihad lebih umum. Namun, kadangkala orang yang menuntut ilmu itu menurut paradigma Imam Al-Nawawi (1998), mereka juga sekali sekala perlu juga untuk keluar juga pergi berjihad yang berbentuk hakikat, iaitu berperang dan berdakwah sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian besar para sahabat dalam kalangan ahli ilmu.

Rajah 7: Model B6 - Berjihad



Jihad pertama boleh dibahagikan kepada dua, iaitu jihad dengan maksud sebenar, iaitu berperang dalam mempertahankan Islam ketika negara diserang musuh dengan hukumnya sebagai fardu ain bagi setiap Muslim serta berdakwah dan membuat amar makruf nahi mungkar ketika negara dalam keadaan aman sebagai fardu kifayah kepada segolongan Muslim. Manakala Jihad ilmu juga terbahagi kepada dua, mendalami asas ilmu agama sebagai fardu ain kepada setiap individu Muslim serta mendalami dan pakar dalam ilmu agama secara khusus sama ada Usuluddin, Syariat, dan Pendidikan Islam dan mendalami dan pakar dalam bidang sains dan pelbagai bidang sebagai fardu kifayah bagi sebahagian Muslim. Model Karakter Berjihad yang ditandakan sebagai KB6 dari perspektif Imam al-Nawawi ini boleh digambarkan seperti Rajah 7. Berdasarkan rajah ini berjihad boleh dibahagikan kepada dua aspek, iaitu jihad perang dan dakwah serta jihad ilmu. Manakala jihad perang dan dakwah dibahagikan kepada fardu ain dan fardu kifayah. Fardu ain ketika negara Islam diserang musuh dan fardu kifayah bagi memenuhi tuntutan dakwah kepada umat manusia. Begitu juga jihad ilmu dibahagikan kepada dua, iaitu fardu ain dan fardu kifayah. Fardu ain kepada setiap Muslim untuk mempelajari ilmu asas Islam dan fardu kifayah untuk menjadi ulama atau orang yang pakar dalam salah satu ilmu.

### **KB7: Berbatasan**

KB7 merupakan karakter yang ketujuh dan terakhir daripada karakter Mukmin Cemerlang. KB7 adalah akronim kepada Karakter Berbatasan yang Ketujuh. Berbatasan diambil daripada kata akar batas, iaitu sempadan (Kamus Dewan, 2005) dalam bahasa Arab dipanggil hudud, iaitu makna asal batasan atau per-aturan atau hukum yang ditetapkan oleh Allah yang tidak boleh diubah-ubah oleh manusia, seperti hukum zina, murtad, dan minum arak.

Namun batas dalam istilah di sini merujuk semua jenis batasan sama ada yang haram atau makruh, atau harus yang dituntut untuk ditinggalkan. Sekiranya perkara ini tidak ditinggalkan akan menyebabkan hilang maruah diri, harga diri dan mungkin tergolong dalam golongan fasik.

Hudud dengan pengertian kedua pernah digunakan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya yang berikut yang bermaksud:

*Segala hukum yang tersebut adalah batas (syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar. Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, dan melampaui batas syariat-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekallah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghinna.*

*(Surah al-Nisa', 4:13)*

Menurut Al-Mahalli dan al-Suyuti (t.th.) istilah hudud ini adalah sebagai makna bahasa dan makna sebenar hukum hudud. Dalam kes ayat ini, hudud ialah batasan seseorang terhadap pengurusan anak yatim khususnya sebagai pemegang amanah.

Aspek terakhir ini menurut Imam Al-Nawawi (1998) ialah aspek karakter batas agama dalam kehidupan seharian. Seorang Mukmin yang cemerlang sudah tentu dia akan menjaga kehormatan diri dengan tidak melakukan sesuatu yang dilarang agama sama ada yang berbentuk makruh apatah lagi yang haram.

## Rajah 8: Model KB7 – Berbatasan

<p><b>Batas Akhlak kepada Allah</b></p>	<p><b>Haram:</b> Bidaah, mendatangi bomoh, sihir, percaya kepada ramalan bintang, melaknat binatang dan kenderaan dan memukulnya, serta percaya sesuatu sebagai sebab malang</p> <hr/> <p><b>Makruh:</b> Mengharap kematian diri, bersumpah dengan selain Allah, meminta sesuatu dengan syafaat wajah Allah melainkan ketika meminta syurga, membakar binatang dan serangga dengan api, serta memaki demam, angin, dan ayam</p>
<p><b>Batas Akhlak Sesama Muslim</b></p>	<p><b>Haram:</b> Bakhil, riyak, berbangga-bangga, melampau batas, buruk sangka, dan penampilan dengan memakai rambut palsu, tatu, dan mengikis gigi, serta melihat wanita ajnabi tanpa keperluan syarak</p> <hr/> <p><b>Makruh:</b> Menyerupai syaitan, menyerupai kafir, menghitamkan rambut, mencukur sebahagian rambut bagi lelaki dan semua bagi wanita, mencabut uban, serta memotong rambut dan kuku sebelum hari raya bagi orang yang berkorban</p>
<p><b>Batas Sosial Sesama Muslim</b></p>	<p><b>Haram:</b> Derhaka; penafian keturunan anak yang sabit; membincang seseorang dengan bukan bapanya; menggambarkan kecantikan wanita kepada lelaki; isteri enggan tidur dengan suami tanpa uzur; isteri berpuasa ketika bersama suami tanpa isinya; wanita berkabung kematian lebih tiga hari melainkan suami empat bulan 10 hari; membazirkan harta tanpa keperluan syarak; memukul wanita, anak, dan hamba tanpa keperluan syarak; hamba lari dari tuannya; berbohong; menjadi saksi bohong; bermusuhan, bergaduh, dan tidak bertegur sapa lebih dari tiga hari; memakan harta anak yatim; tidak adil dalam pemberian kepada anak; tidak berbicara seharian; zalim, mengumpat, menyebarkan keburukan orang; bermuka-muka; melaknat manusia; mengeji Muslim; mengeji orang mati; menyakiti orang lain; hasad dengki; mengintip kesalahan orang lain; menzahirkan rasa gembira kepada Muslim yang tertimpa bencana; menipu dan memperbodohkan orang; khianat dan melanggar janji; memulau sesama Muslim lebih daripada tiga hari; berbisik antara dua orang tanpa didengari orang ketiga; menunda pemberian hak orang miskin; mengungkit pemberian; buruk siku; bersunyi dengan wanita ajnabi; bersumpah bohong; menggelar Muslim dengan 'hai Kafir'; menolong seseorang daripada hukum hudud; menghalang perjalanan, air, dan sebagainya untuk orang ramai; riba; membeli belian orang lain atau meminang pinangan orang lain; serta menjadi orang tengah dalam berniaga.</p> <hr/> <p><b>Makruh:</b> Keluar dari negeri yang kena wabak atau masuk ke negeri yang kena wabak, menunjuk kepada Muslim dengan senjata, menghulurkan senjata dengan terhunus, menolak pemberian minyak wangi, memuji seseorang secara berhadapan, dan bersumpah ketika berniaga.</p>
<p><b>Batas dalam Adab Kehidupan</b></p>	<p><b>Haram:</b> Guna bekas emas dan perak, lelaki menyerupai wanita dan sebaliknya, melukis dan membuat patung, membela anjing tanpa maslahat, meratap mayat, duduk di atas kubur, membuat binaan di atas kubur, bermusafir dengan mashaf ke negeri kafir, menggelar sultan dengan panggilan 'shahansah', dan mulut celopar.</p> <hr/> <p><b>Makruh:</b> Memakai selipar dan khauf sebelah tanpa uzur dan sambil berdiri, lelaki memakai baju berwarna zak'faran, beristinja dengan tangan kanan tanpa uzur, buang air kecil dalam air bertakung, menggantung loceng di kenderaan, menunggang binatang yang makan makanan busuk, berludah, bertengkar, bernasyid, berjual beli, sewa menyewa di dalam masjid, memakan bawang sebelum masuk ke masjid, duduk memeluk lutut ketika imam berkhotbah, memanggil ahli fasiq dan ahli bidaah dengan panggilan tuan, berbicara dengan lenggok suara dan bahasa tinggi dengan orang awam, mengutuk diri sendiri, menamakan anggur sebagai kurma, menggunakan perkataan apa yang dikehendaki oleh Allah dan oleh si fulan, dan berbual selepas Isyak tanpa maslahat.</p> <hr/> <p><b>Harus</b> (Sangat digalakkan untuk ditinggalkan): Menyukarkan dan memberatkan percakapan dan perbuatan tanpa maslahat dan membiarkan api atau lampu hidup ketika meninggalkan rumah dan ketika tidur.</p>
<p><b>Batas dalam Ibadah</b></p>	<p><b>Haram:</b> Makmum mendahului Imam dan melintasi orang solat.</p> <hr/> <p><b>Makruh:</b> Meletakkan tangan di lambung ketika qiyam, pergi solat ketika makanan terhidang, pergi solat ketika hendak buang air kecil dan besar, memandang ke langit dan menoleh kiri dan kanan ketika solat, solat atas kubur, solat sunat selepas iqamat, keluar masjid selepas azan, mengkhususkan puasa dan ibadat pada hari Jumaat, puasa wisal, serta berdoa keampunan dengan gaya dan lafaz tidak yakin untuk diterima</p>

Semua perkara harus pula sekalipun boleh dilakukan, namun dituntut untuk dilakukan dengan secara bersederhana. Beliau mengkategorikan peringkat batasan agama dalam bentuk lima kategori, iaitu batas akhlak kepada Allah, Batas Akhlak Sesama Manusia, Batas Sosial Sesama Muslim, Batas dalam Adab Kehidupan, dan Batas dalam Ibadah. Setiap batasan ini ada yang dikategorikan dalam batasan yang haram dan makruh. Namun batas dalam kehidupan beradab ditambah kepada batasan yang harus tetapi sangat digalakkan untuk ditinggalkan (lihat Rajah 8).

## **IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN**

Implikasi daripada dapatan kajian menghasilkan Model Karakter 7B Mukmin dan daripada model ini pula boleh dibentuk satu kurikulum lengkap yang memberi panduan lengkap kepada setiap individu Muslim untuk menjadi Mukmin Cemerlang.

### **Penghasilan Model Karakter 7B Mukmin Cemerlang**


Kajian yang dijalankan menghasilkan satu rumusan yang membentuk satu Model Karakter 7B Mukmin Cemerlang sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 8. Berdasarkan Rajah ini bahawa seorang Mukmin yang cemerlang wajar mengetahui, memahami, dan mengamalkan dalam hidup agar mereka boleh mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Setiap karakter pada hakikatnya saling berhubungan antara satu sama lain dan tidak boleh terpisah dan menyendiri dalam diri setiap individu Mukmin. Jika salah satu daripada karakter ini tiada dalam diri seorang mukmin, maka pada hakikatnya, dia tidak mungkin menjadi seorang mukmin yang diiktiraf sebagai orang yang berjaya atau cemerlang dalam erti kata yang sebenarnya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*(Wali Allah itu ialah) orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertakwa. Untuk mereka sahajalah kebahagiaan yang menggembirakan di dunia dan di akhirat; tidak ada (sebarang perubahan pada janji Allah yang demikian itulah kejayaan yang besar.*

*(Surah Yunus, 10:64)*

Ayat ini menjelaskan konsep wali Allah SWT, iaitu orang yang melakukan ketaatan dalam perkara fardu dan menjadi semakin dekat dengan-Nya apabila mereka melakukan pula amalan sunat sehingga segala pendengaran, penglihatan, kaki, dan tangannya didorong oleh Allah SWT terjauh daripada melakukan segala yang dimurkai (Al-Bukhari, 2001: 6502). Sifat wali ini diiktiraf sebagai orang yang beriman dan sifat orang beriman ini salah satu ciri terpenting ialah sentiasa bertakwa, iaitu sentiasa berwaspada agar tidak ada perintah Allah SWT yang tertinggal daripada dilaksanakan dan berwaspada daripada terjerumus ke batasan agama. Ciri seperti ini yang mendapat kejayaan yang besar dan dengan erti kata yang sebenar sebagai ciri Mukmin orang yang cemerlang.

Rajah 8: Karakter 7B Mukmin Cemerlang



Justeru, Model Karakter 7B Mukmin Cemerlang yang dibina ini merupakan intipati utama segala yang dibincangkan oleh Imam Al-Nawawi (1998) berdasarkan paradigma beliau. Karakter 7B ini mampu membentuk seseorang menjadi orang yang bertakwa. Hasil daripada sifat takwa ini pula membentuk dirinya sebagai wali Allah SWT yang sentiasa mendapat pertunjuk di sisi Allah SWT. Pertunjuk Allah SWT kepada seseorang itu pula merupakan lambang kecemerlangan diri seseorang individu.

### **Pembentukan Kurikulum Pendidikan Karakter 7B Mukmin Cemerlang**

Model Karakter 7B Mukmin Cemerlang yang terhasil ini pula mampu membangunkan satu kurikulum khusus, iaitu Pembentukan Kurikulum Pendidikan Karakter 7B Mukmin Cemerlang. Cadangan pembentukan kurikulum ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran 1 boleh dijadikan asas untuk kurikulum pendidikan formal institusi pendidikan di semua peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, dan pusat pengajian tinggi. Selain itu, kurikulum ini juga boleh dijadikan asas kepada kurikulum tidak formal untuk digunakan oleh guru takmir di seluruh dunia Islam.

### **RUMUSAN**

Pengkajian teks kitab Riyadh al-Salihin berjaya menghasilkan satu model yang dipanggil sebagai Karakter 7B Mukmin Cemerlang. Setiap karakter 7B tersebut pula memiliki model khusus yang diekstrak daripada perbincangan kitab tersebut. Model ini pula dicadangkan pula cadangan pembentukan kurikulum dengan nama Kurikulum Pendidikan Karakter 7B Mukmin Cemerlang. Cadangan Kurikulum Pendidikan Karakter 7B ini pula amat berguna untuk

digunakan oleh masyarakat Muslim dalam sistem pendidikan formal dan pendidikan tidak formal dengan harapan setiap Muslim mampu memiliki tujuh karakter penting dalam Islam untuk menjadi Mukmin yang Cemerlang dan berjaya di dunia dan akhirat.

## RUJUKAN

- Abdul Latif, Mohammad Al-Abd. (1985). *Al-Akhlaq Fi al-Islam*. Al-Qahirah: Maktabah Dar al-Tum.
- Abdul Rahman, Rukaini (2002). *'Aqidah Keyakinan dan Penghayatan*. Semenyih, Selangor Darul Ehsan: Synergymate Sdn. Bhd.
- Abdulaziz, Adel M, Mohamed, Ahmad Kamel, & Zakaria, Nidzamuddin. (2008). *Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali Ed. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al- 'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Ahmad Sabri, Ahmad Zaharuddin Sani, & Mohammad Noor, Mohd Rasul. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. In Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Peranan dan Kepentingan Pengurusan Sumber Manusia dalam Pengurusan Masjid* (pp. 138). Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM Press.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Bustani, Fuad Afram. (1956). *Munjid al-Tullab*. Beirut: Dar al-Masriq.
- Al-Daqr, Abd al-Ghani. (1994). *Al-Nawawi Syeikh al-Islam wa al-Muslimin wa 'Umdat al-Fuqaha' wa al-Muhaddithin*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Darimi, Abdullah. (2013). *Sunan al-Darimi - Musnad Al-Darimi* (Nabil Hashim Al-Ghamri Ed.). Beirut: Dar Al-Basha'ir.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1989). *Bimbingan Mukmin pada mencari Reda Rab al-A'lamin* (Sayyid Ahmad Semait, Trans. Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi Ed.). Singapura: Pustaka Nasional Ptd. Ltd.
- Al-Khin, Mustafa Sa'id, Al-Bugha, Mustafa, Mastu, Mahyu al-Din, Al-Sharbiji, 'Ali, & Lutfi, Muhammad Amin. (1992). *Nuzhat al-muttaqin sharh Riyad al-Salihin min kalam Sayyid al-Mursalin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Mahalli, Jalaluddin Muhammad Ahmad, & al-Suyuti, Jalaluddin 'Abd al-Rahman Abu Bakr. (t.th.). *Tafsir al-Jalalayn*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1969). *Riyad al-Salihin* (Ridwan Mohd Ridwan Ed.). Beirut: T.P.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1983). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1994). *Al-Azkar* ('Abd al-Qadir Al-Arna'ut Ed.). Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tauzi'.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1998). *Riyad al-Salihin* (Shu'aib Al-Arna'ut Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Muhammad. (1964). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran* (Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atyash Ed.). Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Tabari, Ibn al-Jarir. (1965). *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Al-Qaherah: Matbaah al-Hasaniyyah al-Misriyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.

- Asnantia, Ayu Dwi. (2010). *Akhlak Dalam Keluarga*. Indonesia: Universitas Muhammadiyah Malang.
- Faysal Al-Mubarak, 'Abdul 'Aziz. (2002). *Tatritz Riyad al-Salihin* ('Abd Al-'Aziz 'Abdullah Ed.). Al-Riyad: Dar al-'Asimah li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Hamus, Ahmad Ratib (1983). *Kunuz al-Bahithin*. Bairut: Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Hasan, M. Ali. (1994). *Tuntunan Akhlak*. Johor Bahru: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Ibn 'Atar, 'Ali. (2007). *Tuhfat al-Talibin fi Tarjamah al-Nawawi*. Oman, Al-Urdun: Al-Dar al-Athariyyah.
- Ibn al-Subki, Taj al-Din. (1992). *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. Beirut: Hajr li Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hajar, Ahmad Muhammad. (1960). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari* (Ahmad bin 'Ali bin Hajar Abu al-Fadl Al-'Asqalani Al-Shafi'i Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Kathir, Isma'il 'Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Sami ibn Muhammad Salamah Ed.). Beirut: Dar Tayyibah li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Ibn Manzur, Jamaluddin. (1997). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jaapar, Nur Zahidah, & Azahari, Raihanah. (2011). *Model Keluarga Bahagia Menurut Islam*. Fiqh(8), 20.
- Jasmi, Azmi Kamarul, & Tamuri, Halim Ab. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2019). *Didiklah Kami Dengan Sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Salleh, Siti Fauziyani Md. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, Ruskam, Aminuddin, Mohamed, Ahmad Kilani, & Harun, Zulkefli. (2003). *Pengaruh Pemikiran al-Imam al-Nawawi Di Kalangan Guru-guru Takmir Di Negeri Johor*. Retrieved from Skudai, Johor:
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab. Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Jusoh, Yahaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif*: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kamus Dewan. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalaf, Najm 'Abd al-Rahman. (1989). *Mu'jam al-Jarh wa al-Ta'dil li Rijal al-Sunan al-Kubra, ma'a Dirasah Idafiyyah li Manhaji al-Bayhaqi fi Naqd al-Ruwah fi Daw' al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Rayah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- M. Abdulaziz, Adel, Mohamed, Ahmad Kamel, & Zakaria, Nidzamuddin. (2008). *Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.



- Manuty, Mohd Nor (2009). *Islam dan Toleransi Budaya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia*: Beberapa Catatan. Kertas kerja Dibentangkan di Simposium Fiqh, Masyarakat Bukan Islam di Malaysia, Dewan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam. <http://www.najahudin.com/muat%20turun/Fiqh%20Bukan%20Islam%20&%20Perbandingan%20Agama/Islam%20Dan%20Toleransi%20Budaya%20Dalam%20Masyarakat%20Majmuk%20Di%20Malaysia%20Beberapa%20Catatan.pdf>
- Mohamad, Khairul Azmi, & Othman, Nooraini. (2009). *Nilai yang Mendasari Integriti Dan Amalan Masyarakat Hadhari Ke Arah Umat Hadhari*. Kuala Lumpur, Malaysia: Yayasan Ilmuwan.
- Mohammad Al-'Abd, 'Abd al-Latif. (1985). *Al-Akhlaq Fi al-Islam*. Al-Qahirah: Maktabah Dar al-'Ulum.
- Mohd Kashim, Mohd Izhar Ariff, Jamsari, Ezad Azraai, Abul Hassan Ashari, Mohamad Zulfazdlee, Samuri, Mohd Al-Adib, & Yaacob, Salmy Edawati. (2012). *Penentuan Ciri Negara Islam Menurut Pemikiran Empat Mazhab Fiqah*. Jurnal Hadhari, 4(2), 89-106.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2009). *Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya* (pp. 129-140). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Suratman, Azmi Shah, Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Kilani Ahmad. (2004, 25-27 September 2004). *Sumbangan Guru Takmir dalam Pembangunan dan Pendidikan Masyarakat Islam di Johor*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid, Asiania Resort, Langkawi.
- Tamuri, Ab Halim, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2009). *Nilai, Amalan, dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat hingga Kini*. In Kaseh Abu Bakar (Ed.), *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu* (pp. 35-57). Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas, An Exposition of The Original Concept Of Islamization*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Zienu, Muhammad Jamil. (2013). *Aqidah Islamiyah daripada Seorang Muslim dan As-Sunnah yang Sahih*. Selangor: Badan Perkhidmatan Penerangan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (BPPI).

### Kurikulum Pendidikan Karakter 7B Mukmin Cemerlang

No	Tajuk Utama	Keterangan
1.0	Tajuk Kursus	: Karakter 7B Mukmin Cemerlang
2.0	Objektif	: Di akhir kursus, setiap Muslim dapat menghayati kehidupan sebagai seorang insan bertakwa dan cemerlang.
3.0	Sinopsis Kursus	: Kursus ini memfokuskan kefahaman, pelaksanaan, dan penghayatan kehidupan sebagai seorang Muslim cemerlang dalam tujuh pembangunan karakter insan, iaitu, Karakter Berihisan (KB1), Karakter Berakhlak (KB1), Karakter Bersosial (KB1), Karakter Beribadah (KB1), Karakter Berjihad (KB1), dan Karakter Berbatasan (KB1).
4.0	Buku Rujukan	: Kursus ini menggunakan buku rujukan berikut sebagai buku rujukan utama, iaitu: Abu Dawud, Sulaiman. (2009). <i>Sunan Abi Dawud</i> (al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali Eds. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah. Ahmad, Hambal. (2001). <i>Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal</i> (Shu'ayb al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah. Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). <i>Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah s.a.w. wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari</i> (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat. Al-Darimi, Abdullah. (2013). <i>Sunan al-Darimi - Musnad Al-Darimi</i> (Nabil Hashim Al-Ghamri Ed.). Beirut: Dar Al-Basha'ir. Al-Nasa'i, Ahmad. (1986). <i>Al-Mujtabi min al-Sunan</i> ('Abd al-Fattah Abu Gadat Ed. Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr. Al-Nawawi, Mahyuddin. (2007b). <i>Riyad al-Salihin</i> (Mahir Yasin Al-Fahl Ed.). Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir. Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). <i>Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi</i> (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami. Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). <i>Sunan Ibn Majah</i> (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali & 'Abd al-Latif Hirzullah Eds. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah. Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). <i>Sahih Muslim</i> (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr. Selain rujukan utama, terdapat juga rujukan buku daripada kitab tafsir al-Quran yang muktabar dan kitab syarah hadis yang muktabar.

<b>5.0 Tajuk bidang Pembangunan Karakter</b>	
<b>5.1 Pembangunan Pendidikan Karakter Berihsan (KB1)</b>	
5.1.1 Sinopsis	: Akhlak insan kepada Allah SWT terkandung tiga bahagian utama, iaitu dua akhlak pemikiran, 11 akhlak hati, dan sembilan akhlak peribadi.
5.1.2 Objektif	<ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian tafakur dan mengingati mati, menyenaraikan elemen kedua-dua sifat tersebut, dan menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam kehidupan.</li> <li>(2) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian ikhlas dan niat; muraqabah; takwa; takut dan harap; zuhud; qana'ah; syukur; yakin dan tawakal; sabar, serta menyenaraikan elemen semua sifat tersebut, dan menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam kehidupan.</li> <li>(3) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian warak; taubat; bersegera kepada kebaikan; memilih jalan keberkatan dan kebajikan; bersederhana dalam ibadah; istiqamah; berpegang teguh kepada hukum Allah dan Rasulullah; cinta dan menangis kerana Allah SWT; mempertingkatkan kebajikan ketika tua, serta menyenaraikan elemen semua sifat tersebut, dan menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam kehidupan.</li> </ol>
<b>5.2 Pembangunan Pendidikan Karakter Berakhlak (KB2)</b>	
5.2.1 Sinopsis	: Akhlak insan terhadap insan yang lain terangkum lima akhlak hati sesama Insan, tiga akhlak hati dan peribadi sesama insan, dan dua akhlak peribadi sesama insan.
5.2.2 Objektif	<ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian jujur dan benar, cinta sesama Muslim, kasih kepada yang lemah, tawaduk dan menjauhi ujub serta bongkak, dan sabar, menyenaraikan elemen kelima-lima akhlak hati tersebut, dan menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam hati.</li> <li>(2) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian menghormati umat Islam, ulama, dan orang kenamaan; pemaaf dan mengelakkan pergaduhan; pemurah dan menjauhi bakhil, serta menyenaraikan elemen semua sifat tersebut, dan menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam hati dan kehidupan.</li> <li>(3) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian sopan santun, menunjukkan cara hidup yang baik, dan menjaga penampilan tubuh badan, serta menyenaraikan elemen kedua-dua sifat tersebut, dan menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam kehidupan.</li> </ol>

<b>5.3 Pembangunan Pendidikan Karakter Bersosial (KB3)</b>	
5.3.1 Sinopsis	: Akhlak sosial dalam Islam ialah akhlak pergaulan seorang Muslim dengan ahli keluarga, ahli masyarakat, dan antara dengan pemimpin dan rakyat dari perspektif ajaran Islam.
5.3.2 Objektif	<p>(1) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan sifat taat kepada ibu bapa dan menjauhi derhaka; tanggungjawab suami terhadap isteri; tanggungjawab isteri terhadap suami; berusaha mencari rezeki diri dan keluarga; menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar; serta berbuat baik kepada kaum kerabat, kawan suami atau isteri, dan kawan ibu bapa; dan menyenaraikan elemen keenam-enam akhlak sosial tersebut, serta menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam kehidupan sosial berkeluarga.</p> <p>(2) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian hak jiran dalam Islam; hak tetamu dalam Islam; menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar; nasihat menasihati dalam perkara kebaikan; tolong-menolong dalam perkara kebajikan; menjaga keaiban Muslim yang lain; mendamaikan sesama Muslim; menunaikan hajat sesama Muslim; menunaikan janji dan amanah; menziarahi dan berkawan dengan ulama; berbuat baik kepada ahli keluarga Rasulullah SAW; dan berbuat baik kepada hamba dan pekarja; serta menyenaraikan elemen semua 11 sifat tersebut, dan menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam kehidupan sosial bermasyarakat.</p> <p>(3) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian pemerintah yang adil dari perspektif Islam; menjadi rakyat yang taat; tanggungjawab pemerintah dalam Islam; kerosakan cintakan kuasa; kewajipan pemerintah untuk melantik orang soleh sebagai wakilnya, serta menyenaraikan elemen kedua-dua sifat tersebut, dan menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam kehidupan sosial bernegeri.</p>
<b>5.4 Pembangunan Pendidikan Karakter Beribadah (KB4)</b>	
5.4.1 Sinopsis	: Pembangunan ibadah kepada Allah SWT merupakan ibadah khususiah yang terangkum dalam amalan ibadah al-Quran, solat, zakat, puasa, haji, zikir dan selawat, serta doa dan istighfar.
5.4.2 Objektif	<p>(1) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan ibadah al-Quran dari segi bacaan dan hafalan, keutamaan amalan ini dalam Islam, elemen kesempurnaan ibadah ini, menjaga sunah dan adab pada ibadah ini, serta langkah peningkatan amalan ini dalam kehidupan.</p> <p>(2) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan ibadah solat, keutamaan amalan ini dalam Islam, elemen kesempurnaan ibadah solat, penjagaan adab dan sunah dalam solat, serta langkah peningkatan amalan ini dalam kehidupan.</p>

- 
- (3) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan ibadah zakat, zakat fitrah, dan sedekah, keutamaan ibadah ini dalam Islam, elemen kesempurnaan ibadah ini, penjagaan adab dan sunah dalam amalan ini, serta langkah peningkatan amalan ibadat ini dalam kehidupan.
  - (4) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan ibadah puasa, keutamaan amalan ini dalam Islam, elemen kesempurnaan ibadah puasa, penjagaan adab dan sunah dalam ibadah puasa, serta langkah peningkatan ibadah puasa ini dalam kehidupan.
  - (5) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan ibadah haji, keutamaan ibadah haji ini dalam Islam, elemen kesempurnaan ibadah haji, penjagaan adab dan sunah dalam ibadah haji, serta langkah persediaan untuk mendapatkan haji yang mabrur.
  - (6) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan ibadah zikir dan selawat, keutamaan ibadah zikir dan selawat ini dalam Islam, elemen kesempurnaan ibadah zikir dan selawat, penjagaan adab dan sunah dalam ibadah zikir dan selawat, serta langkah peningkatan amalan zikir dan selawat dalam kehidupan.
  - (7) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan ibadah doa dan istighfar, keutamaan ibadah doa dan istighfar ini dalam Islam, elemen kesempurnaan ibadah doa dan istighfar, penjagaan adab dan sunah dalam doa dan istighfar, serta langkah peningkatan amalan ini dalam kehidupan.
- 

## 5.5 **Pembangunan Pendidikan Karakter Beradab (KB5)**

---

5.5.1 Sinopsis : Adab kehidupan seorang Muslim terangkum dalam dua sudut, iaitu enam sifat orang beradab dan lapan tatacara sifat orang beradab.

---

- 5.5.2 Objektif
- (1) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan sifat orang beradab, iaitu malu, menjaga rahsia, membiasakan kebiasaan yang baik, tenang, memberikan tahniah kepada orang yang diberi nikmat, dan memulakan sesuatu yang baik dari sebelah kanan; dan menyenaraikan elemen keenam-enam sifat orang yang beradab, serta menyenaraikan langkah penerapan sifat tersebut dalam kehidupan.
  - (2) Di akhir pengajian, umat Islam dapat menyenaraikan elemen dan tatacara kehidupan orang beradab, iaitu tatacara adab bermusafir, tatacara adab makan dan minum, tatacara adab berpakaian, tatacara adab tidur, berbaring, duduk, dan bermimpi, tatacara adab salam dan meminta izin masuk ke rumah, tatacara adab menziarahi orang sakit dan adab orang yang sakit, serta tatacara adab menziarahi kematian, menguruskan kematian, dan menziarahi kubur dalam kehidupan.
-

<b>5.6 Pembangunan Pendidikan Karakter Berjihad (KB6)</b>	
5.6.1 Sinopsis	: Pembangunan agama merupakan satu usaha untuk meningkatkan ketinggian Islam melalui amalan jihad dan amalan mendalami Ilmu.
5.6.2 Objektif	<ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian jihad, keutamaan jihad dalam Islam, elemen jihad dalam Islam, dan cara penerapan jihad dalam kehidupan</li> <li>(2) Di akhir pengajian, umat Islam dapat mendefinisikan pengertian ilmu Islam, keutamaan ilmu Islam, elemen ilmu dalam Islam, dan cara penerapan ilmu dalam kehidupan.</li> </ol>
<b>5.7 Pembangunan Pendidikan Karakter Berbatasan (KB7)</b>	
5.7.1 Sinopsis	: Pembangunan batasan agama merupakan aspek larangan dalam bentuk haram, makruh, dan harus yang sangat dituntut untuk ditinggalkan. Terdapat lima bidang batasan agama ini, iaitu batasan dalam pembangunan akhlak kepada Allah SWT, batasan dalam pembangunan akhlak sesama manusia, batasan dalam pembangunan sosial keluarga, masyarakat, dan negara, batasan dalam pembangunan adab kehidupan, dan batasan dalam pembangunan ibada kepada Allah SWT.
5.7.2 Objektif	<p>: Di akhir pengajian, umat Islam dapat menyenaraikan perkara yang haram dan makruh dalam pembangunan akhlak kepada Allah SWT dengan dalil daripada sumber al-Quran, sunah, atau kedua-duanya.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Di akhir pengajian, umat Islam dapat menyenaraikan perkara yang haram dan makruh dalam pembangunan akhlak kepada sesama manusia dengan dalil daripada sumber al-Quran, sunah, atau kedua-duanya.</li> <li>(2) Di akhir pengajian, umat Islam dapat menyenaraikan perkara yang haram dan makruh dalam pembangunan sosial sesama manusia dengan dalil daripada sumber al-Quran, sunah, atau kedua-duanya.</li> <li>(3) Di akhir pengajian, umat Islam dapat menyenaraikan perkara yang haram, makruh, dan harus yang dituntut untuk dengan dalil daripada sumber al-Quran, sunah, atau kedua-duanya.</li> <li>(4) Di akhir pengajian, umat Islam dapat menyenaraikan perkara yang haram dan makruh dalam pembangunan ibadah kepada Allah SWT dengan dalil daripada sumber al-Quran, sunah, atau kedua-duanya.</li> </ol>